

14 OCT 2000

Mahathir-Korban

LEBIH ADIL JIKA SEMUA KAUM TIDAK BERPUAS HATI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata adalah lebih adil bagi masyarakat majmuk Malaysia jika semua kaum berkorban dan tidak berpuas hati sepenuhnya.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak akan menidakkan hak mana-mana kaum asalkan ia tidak keterlaluan sehingga boleh menyebabkan perpecahan dan perbalahan kaum.

"Saya selalu menyatakan bahawa di Malaysia tidak ada satu kaum yang boleh berpuas hati sepenuhnya kerana kerajaan tidak mungkin dapat memenuhi tuntutan semua kaum," katanya ketika merasmikan perhimpunan agung ke-47 Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN) di sini.

Beliau mengingatkan rakyat Malaysia supaya merasa bersyukur kerana pendekatan kerajaan BN terhadap isu yang melibatkan kaum ditangani dengan berhati-hati.

Menurut Dr Mahathir, ia bertujuan mengelak daripada terjadi sebarang perbalahan bersangkutan dengan isu kaum.

Beliau berkata pendekatan itu berdasarkan logik yang mudah kerana jika sesuatu kaum terlalu puas hati lantaran mendapat semua yang dituntut, maka kepentingan kaum lain terpaksa dikorbankan.

Dr Mahathir berkata bagi kerajaan, yang utama ialah memupuk kesanggupan berkorban dan semangat perpaduan antara rakyat berbilang kaum kerana itulah punca kejayaan Malaysia dengan memberi contoh bagaimana perpaduan kaum telah membolehkan kerajaan mengambil langkah positif memulihkan ekonomi.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa perpaduan kaum bukan satu perkara semulajadi sebaliknya ia datang bersama keinginan semua kaum untuk hidup bersama secara aman.

Menurutnya, bukanlah mudah untuk mengekalkan perpaduan dan persefahaman seperti yang telah dilakukan oleh kerajaan BN sejak sekian lama kerana semua pihak harus bijak dan bertolak ansur dalam menangani masalah yang dihadapi oleh setiap parti yang mewakili pelbagai kaum.

Katanya amalan biasa BN ialah membawa berbincang apa juga perkara supaya semua 14 komponen BN bersama-sama dapat mencari jalan tengah, yang walaupun mungkin tidak dapat menyelesaikan semuanya, tetapi sekurang-kurangnya dapat sampai ke titik persetujuan.

"Kita tidak seharusnya mengambil sikap ekstrim dalam membincangkan apa-apa isu kerana ianya boleh merosakkan segala apa yang telah kita bina selama ini," katanya.

Pengerusi BN itu berkata kejayaan BN dalam memupuk perpaduan dan kerjasama kaum merupakan satu "success story" Malaysia dan banyak pihak termasuk parti-parti pembangkang cuba menirunya tetapi mereka ketiadaan unsur keikhlasan untuk mengorbankan kepentingan parti sendiri demi kejayaan kumpulan.

Semua parti pembangkang mempunyai matlamat perjuangan yang berbeza dan belum pun sampai setahun selepas pilihan raya umum lepas, masing-masing telah membawa haluan sendiri walaupun mereka mungkin tidak mahu mengakui kebenaran ini, kata Dr Mahathir.

Beliau menegaskan bahawa matlamat perjuangan BN pula adalah serupa iaitu untuk membela rakyat dan negara dan apabila parti berjaya, maka matlamat yang diperjuangkan akan tercapai untuk faedah semua kerana tidak ada satu parti pun dalam BN yang tidak mendapat hasil daripada kejayaan BN.

-- BERNAMA

MNY ES RON